



TERPEROSOK...pacuan empat roda.




HEMPAP...kereta dihimpit treler terbabit.



ROSAK...lori yang remuk akibat rempuhan.

4 maut dirempuh treler

Angkat rakan putus dua



Empat daripada lapan pekerja penyelenggara lebuh raya mati dirempuh

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hasan
metroperak@hmetro.com.my

GOPENG: "Anggota badan beberapa rakan saya bersepah di atas jalan, malah otak mereka turut hancur. Lebih menyedihkan, ketika saya mengangkat mayat seorang daripada mereka yang tubuhnya hampir putus dua akibat digilis treler."

Itu kata Abdul Nasir Abdul Rahman, 49, rakan empat pekerja kontraktor syarikat Projek Penyelenggara Lebuh raya Berhad (Propel) yang terbunuh selepas digilis dan diseret sebuah treler lebih 10 tan berhampiran Kilometer 294.1, Lebuh raya Utara-Selatan berhampiran susur Gopeng, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 4.30 pagi yang turut menyebabkan enam

parah itu, treler membawa coklat terbabit hilang kawalan dan memasuki lorong kecemasan lalu merempuh lapan pekerja Propel yang melakukan tugas pemasangan kabel optik di bahu lebuh raya.

Treler itu turut merempuh empat kenderaan iaitu sebuah lori satu tan, van, pacuan empat roda dan kereta Proton Iswara yang dinaiki semua mangsa untuk ke tempat mereka bekerja.

Mangsa yang terbunuh ialah Mohd Shafie Ismail, 56, dari Taman Shakin Baru, Ipoh, Shaharuddin Abd Aziz, 51, dari Kampung Masjid, Kuala Kangsar dan Mohd Hafez Yunos, 39, dari Taman Keramat, Kuala Lumpur yang mati di tempat kejadian.

Seorang lagi mangsa, Ismady Mohd Rodzi, 32, dari Taman Merawan, Kulim, Kedah pula meninggal dunia di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh

"Saya membantu mencari Shafie sebelum menemui mayatnya terperosok di bawah lori satu tan yang dirempuh treler. Mayatnya yang hampir putus dua itu ditarik keluar dari bawah lori"

>Abdul Nasir Abdul Rahman

ketika menerima rawatan.

Pemandu treler terbabit dan kelindannya parah, namun identiti mereka belum diumumkan polis.

Abdul Nasir berkata, ketika kejadian dia tidak bekerja dan tidur di rumahnya di Ipoh sebelum menerima panggilan telefon daripada rakan, Dino Azmi, 36, yang cedera dalam nahas itu.

"Dino beritahu semua rakan-nya melambung dirempuh treler dan saya bergegas ke tempat kejadian. Sebaik sampai, saya dapati keadaan amat dahsyat dengan semua mangsa bergelimpangan di atas lebuh raya.

"Anggota Bomba dan Penyelamat Gopeng yang berada di tempat kejadian memberi bantuan kecemasan," katanya yang juga kontraktor syarikat Propel beribu pejabat di Silibin, di sini.

Menurutnya, anggota polis yang berada di tempat kejadian kemudian mula mengira serta mengenal pasti identiti mangsa dan ketika itu baru disedari, seorang daripada mangsa, Mohd Shafie tidak ditemui.

"Saya membantu mencari Shafie sebelum menemui mayatnya terperosok di bawah lori satu tan yang dirempuh treler. Mayatnya yang hampir putus dua itu ditarik

keluar dari bawah lori.

"Saya membantu mengangkat mayatnya ke dalam kenderaan polis untuk dibawa ke hospital. Mohd Shafie amat rapat dengan saya dan dia baru setahun berpindah ke Ipoh selepas bekerja di Kuala Lumpur selama tiga tahun," katanya.

Abdul Nasir berkata, dia percaya kemalangan ngeri itu berpunca daripada kecuaiannya pemandu treler terbabit kerana semua pekerja syarikat tempat dia bekerja sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan.

"Kami pasti akan meletakkan kon dan lampu keselamatan ketika bertugas dan kenderaan kami pula diletakkan di lorong kecemasan lebuh raya," katanya.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari
subscription.nstp.com.my



**RANAP...van
yang remuk.**

B/H 22/11/12 MS 5

SEDIH... Norazian Mohd Abdul Rashid memeluk baju arwah suaminya, Mohd Hafez yang terkorban dalam nahas terbabit.

